

MENENGAH 3 EXP/NA

LATIHAN TOPIKAL 3

PENGIMBUHAN

Pengimbuhan	Markah Penuh	Markah Yang diperolehi	Tarikh
Latihan 1	10		
Latihan 2	10		
Latihan 3	10		
Latihan 4	10		
Latihan 5	10		

LATIHAN 1

Arahan: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang telah digarisi. Bubuh imbuhan yang sesuai pada setiap perkataan.

Proses pengasuhan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan kanak-kanak. Ia merupakan bahan rahsia yang membolehkan kanak-kanak (1) besar dari segi jasmani, mental, sosial, emosi, budaya dan kerohanian. Tidak kira sama ada diberi makanan yang sihat, atau pun (2) lindung yang sewajarnya, jika kanak-kanak tidak diasuh secukupnya, kesihatan dan pembangunan mereka boleh terbantut.

Hakikatnya, tiada satu-satunya cara atau cara yang betul untuk mengasuh seorang anak. Ada ibu bapa yang terlalu inginkan yang terbaik untuk anak-anak sehingga mereka bimbang mereka tidak memberikan asuhan yang (3) cukup atau tidak mengasuh dengan cara yang betul.

Secara semula jadinya, proses asuhan ialah sesuatu yang kreatif, spontan dan boleh (4) laku menerusi pelbagai cara. Yang penting, ibu bapa harus memberi galakan dan kasih sayang kepada anak-anak mereka. Sesetengah ibu bapa menghadapi (5) sukar mengasuh anak mereka. Ini berlaku kerana mereka gagal menjalin hubungan yang erat dengan anak-anak mereka sehingga anak mereka menjadi liat dan tidak lagi menurut kata-kata mereka.

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____

LATIHAN 2

Arahan: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang telah digarisi. Bubuh imbuhan yang sesuai pada setiap perkataan.

Meskipun Singapura menghadapi cabaran dari luar dan dalam negeri, masih terdapat banyak peluang dan strategi yang telah dilakarkan untuk memastikan kejayaan negara ini pada masa akan datang. Antara usaha yang (1) ambil untuk memastikan perkara tersebut adalah dengan membanteras ekonomi yang mengutamakan diri sendiri. Sifat seumpama itu boleh mengancam (2) stabil sistem perdagangan global.

Sebagai contoh, perang perdagangan antara Amerika Syarikat dengan China yang tidak henti-henti (3) kuat kuasa cukai antara satu sama lain. Gangguan perdagangan antara dua ekonomi terbesar dunia kemungkinan besar akan menjejaskan Singapura memandangkan perdagangan antara Amerika dengan China (4) sumbang secara tidak langsung kepada Hasil Kasar Dalam Negeri (GDP) negara ini.

Ekonomi Singapura yang terbuka boleh (5) lejas lebih teruk sekiranya pertikaian perdagangan tersebut bertambah buruk. Hal ini boleh menyebabkan para peniaga dan pengguna hilang keyakinan terhadap kestabilan ekonomi Singapura.

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____

LATIHAN 3

Arahan: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang telah digarisi. Bubuh imbuhan yang sesuai pada setiap perkataan.

Nilai bukanlah sesuatu yang boleh diajar seperti matematik. Ia perlu dipupuk dan diamalkan setiap kali tidak kira sama ada kamu berada di pihak (1) ajar ataupun pelajar. Pendek kata, seorang pemimpin yang baik mesti menunjukkan contoh yang baik, barulah orang akan ingin (2) contoh perbuatan kamu. Apabila seorang pemimpin tidak mengamalkan apa yang diajar, pengikutnya lama-kelamaan akan hilang (3) percaya dan tidak akan mendengar kata.

Perkara yang paling tidak (4) ingin adalah apabila perangai buruk si pemimpin pula dicontohi dan disemai kepada orang-orang lain. Oleh itu, seorang pemimpin (5) pikul tanggungjawab yang berat bukan sahaja untuk menjalankan tugas yang diamanahkan tetapi juga menjadi teladan kepada para pengikutnya.

Selain bertanggungjawab, seorang pemimpin juga perlu bersikap jujur, berani, dan tidak malu untuk mengakui kesalahan. Dengan itu, orang akan lebih mempercayai kamu kerana dapat melihat bahawa kamu juga seorang manusia biasa yang tidak dapat elak daripada melakukan kesilapan.

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____

LATIHAN 4

Arahan: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang telah digarisi. Bubuh imbuhan yang sesuai pada setiap perkataan.

Para pakar bedah di Amerika Syarikat buat pertama kalinya telah melakukan pemindahan organ daripada seorang penghidap HIV. Pembedahan itu membuktikan bahawa individu yang positif HIV, juga cukup sihat untuk menjadi (1) derma organ yang berkesan.

Buah pinggang seorang wanita penghidap HIV yang berusia 30an tahun telah dipindahkan kepada seorang pesakit yang menghidapi virus yang menyebabkan AIDS. Para pakar bedah dari Universiti Johns Hopkins di Baltimore yang (2) jalan pembedahan itu menyifatkannya sebagai satu pencapaian bagi jagaan pesakit HIV.

Sebelum ini, individu yang menghidap HIV tidak digalakkan menderma ginjal - sebagai langkah berwaspada sekiranya buah pinggang mereka yang satu lagi (3) alam kerosakan akibat HIV atau ubat-ubatan yang digunakan untuk merawat penyakit itu. Namun keputusan untuk meneruskan dengan pemindahan organ itu menyerlahkan (4) yakin para saintis terhadap ubat-ubatan yang digunakan sekarang untuk mengawal HIV. Ubat-ubat itu membolehkan para (5) hidap HIV menjalani kehidupan seperti biasa.

Kira-kira 10 ribu pesakit positif HIV di Amerika Syarikat mengalami kegagalan buah pinggang dan perlu menjalani dialisis. Para doktor berharap, peluang mendapatkan penderma yang masih hidup boleh mengurangkan tempoh menunggu untuk pemindahan organ.

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____

LATIHAN 5

Arahan: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang telah digarisi. Bubuh imbuhan yang sesuai pada setiap perkataan.

Beribu-ribu penduduk New Zealand berhimpun di upacara peringatan di bandar selatan negara itu pada hujung bulan Mac 2019 untuk bertafakur bagi mangsa-mangsa serangan di masjid Christchurch. Dalam insiden itu, 50 orang (1) bunuh oleh seorang suspek yang mengagungkan kuasa kulit putih.

Para penyampai ucapan memberikan penghormatan kepada para mangsa yang (2) selamat mahupun yang terbunuh. Mengenakan pakaian tradisional orang Maori, Perdana Menteri New Zealand Jacinda Ardern disertai para wakil daripada 60 negara.

Cik Ardern (3) gesa masyarakat dunia supaya sama-sama menghapuskan ekstremisme. Beliau turut memuji usaha rakyat New Zealand (4) damping masyarakat Muslim sejak berlakunya serangan tersebut. Perdana Menteri New Zealand telah meraih banyak perhatian dalam kalangan para (5) pimpin dunia disebabkan pendiriannya terhadap diskriminasi agama. Menurut Datuk Bandar Christchurch, Lianne Dalziel, rakyat New Zealand mempunyai sifat belas ihsan terhadap satu sama lain tidak kira di mana mereka dilahirkan.

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____